



## SIARAN AKHBAR

Sidang Kemuncak Kali Ke-16 IFSB:  
Mengharungi Risiko dalam Kewangan Islam

The Empire Brunei, Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam

Hari Rabu, 8 Mei 2024

---

1. Sidang Kemuncak Kali Ke-16 Islamic Financial Services Board (IFSB) telah dilancarkan pada hari ini, Rabu, 8 Mei 2024. Persidangan selama dua hari yang bertemakan "Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan dalam Persekitaran yang Berkembang: Mengharungi Risiko yang Menjelang" ini antarlainnya berobjektif untuk membincangkan kedayatahan sektor kewangan Islam yang berhadapan dengan cabaran global kontemporari. Acara tersebut merupakan anjuran IFSB dengan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sebagai tuan rumah.
2. Acara tersebut, yang diadakan di The Empire Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, disertai oleh lebih 20 negara, yang terdiri daripada gabenor bank-bank pusat, pemimpin industri, dan perwakilan daripada institusi kerajaan dan ahli-ahli akademik.
3. Dalam ucapnama Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam, beliau telah menekankan kepentingan kewangan Islam dalam menangani cabaran global, termasuk ketidakstabilan kewangan, risiko iklim, gangguan gelombang digital, dan ketegangan geopolitik. Beliau kemudian mengongsikan potensi pembezaan melalui inovasi dalam pendigitalan dan kemampuan dengan menggambarkan kedayatahan dan kestabilan kewangan Islam yang berlandaskan beberapa prinsip seperti perkongsian risiko, pembiayaan bersandarkan aset, dan pelaburan beretika. Beliau juga menyatakan peranan Negara Brunei Darussalam dalam memajukan industri perkhidmatan kewangan Islam serta komitmen negara terhadap rangkuman kewangan, transformasi digital, dan menangani perubahan iklim.
4. Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi di Negara Brunei Darussalam juga telah menekankan dalam ucapan alu-aluan beliau bagaimana sidang kemuncak itu berfungsi sebagai platform untuk perwakilan berkumpul dan membincangkan isu-isu dan risiko terkini yang mungkin memberi kesan kepada kedayatahan dan kestabilan industri perkhidmatan kewangan Islam.

5. Acara telah dilancarkan dengan pra-persidangan di sebelah pagi yang telah menampilkan sebuah pameran negara oleh BDCB diikuti dengan dialog di antara BDCB, pihak industri dan akademik. Ini diikuti dengan sebuah pembentangan khas oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).
6. Setiausaha Agung IFSB, Dr. Ghiath Shabsigh, dalam ucapan alu-aluannya menyatakan, **“Industri kewangan Islam telah mencapai kemajuan yang besar, dan dijangka akan meneruskan trajektorinya, terutamanya dalam segmen pasaran modal, Sukuk, dan Takaful. Kemajuan ini berpunca daripada infrastruktur institusi yang mantap dan pembangunan piawai antarabangsa di samping usaha pengawalseliaan negara. Walau bagaimanapun, di tengah-tengah ketidaktentuan yang meningkat, termasuk cabaran makroekonomi dan perubahan struktur seperti perubahan iklim dan pendigitalan, kita mesti terus berwaspada dan mengukuhkan lagi kerjasama dan dialog antara pihak-pihak berkuasa nasional, badan-badan penetapan piawai antarabangsa dan institusi kewangan.”**
7. Beliau juga telah merakamkan penghargaan kepada BDCB dan rakyat Negara Brunei Darussalam atas **layanan mereka, dan menambah, “Sidang Kemuncak IFSB kali ini adalah hasil kerjasama kami dengan BDCB, dan menggariskan keperluan untuk penyesuaian berterusan dan kerjasama industri untuk memastikan kedayatahan kewangan Islam dalam menghadapi risiko terkini”.**
8. Di sesi tersebut, Yang Mulia Hajah Rokiah binti Haji Badar, Pengarah Urusan, BDCB juga telah menekankan **aspirasi Negara Brunei Darussalam untuk menjadi mercu tanda kewangan Islam, “Kewangan Islam merupakan salah satu bidang tumpuan utama dalam agenda pembangunan strategik BDCB seperti yang ditetapkan dalam Financial Sector Blueprint 2016-2025 iaitu untuk menyokong visi Negara Brunei Darussalam untuk menjadi sebuah hab kewangan Islam antarabangsa yang terkemuka.”**
9. Sidang kemuncak menyaksikan dua perbincangan panel yang menyentuh implikasi risiko seperti inflasi dan ketidakstabilan industri, cabaran dasar dan limpahan antarabangsa, dan pendekatan kawal selia terhadap risiko kewangan berkaitan iklim serta kesannya terhadap kewangan Islam.
10. Sidang kemuncak ini akan diteruskan sehingga Khamis, 9 Mei 2024. Sidang kemuncak bagi hari kedua pula akan menampilkan empat sesi panel untuk membincangkan rangkuman kewangan digital, inovasi, dan pengukuhan kedayatahan industri perkhidmatan kewangan Islam dalam dunia yang sentiasa berkembang dan berubah.
11. Untuk maklumat lanjut mengenai Sidang Kemuncak Kali Ke-16 IFSB, sila layari [www.ifsbsummit2024.com](http://www.ifsbsummit2024.com).

Nota kepada editor:

Mengenai Islamic Financial Services Board (IFSB)

IFSB merupakan sebuah organisasi yang menetapkan piawaian antarabangsa yang berobjektif untuk menggalakkan dan mempertingkatkan kekukuhan dan kestabilan industri perkhidmatan kewangan Islam melalui pengeluaran piawaian yang berhemat global serta prinsip panduan untuk industri tersebut. Piawaian yang dikeluarkan ditakrifkan secara meluas untuk merangkumi sektor perbankan, pasaran modal, dan insurans. IFSB juga menjalankan penyelidikan dan menyelaras inisiatif mengenai isu berkaitan industri, serta menganjurkan perbincangan, seminar dan persidangan untuk pengawalselia dan pihak-pihak berkepentingan yang tertentu. Ke arah ini, IFSB bekerjasama rapat dengan organisasi antarabangsa, serantau dan nasional, serta insitutsi penyelidikan/pendidikan dan pemain pasaran.

Ahli-ahli IFSB terdiri daripada pengawalselia dan penyelia, organisasi kerajaan antarabangsa, pemain pasaran, firma professional, dan persatuan-persatuan industri.

Untuk maklumat lanjut mengenai IFSB, sila layari [www.ifsb.org](http://www.ifsb.org).

Mengenai Sidang Kemuncak Kali Ke-16 IFSB

2024 menandakan kali ke-16 sidang kemuncak IFSB diadakan. Acara bertaraf antarabangsa ini merupakan sebuah platform untuk penggubal-penggubal dasar dan pihak-pihak berkepentingan untuk membincangkan isu-isu penting berkaitan kedayatahan industri perkhidmatan kewangan Islam dan implikasi dasar risiko yang menjelang.

Pertama kali diadakan pada tahun 2004 di London dengan nama 'Sidang Kemuncak Industri Perkhidmatan Kewangan Islam dan Persekitaran Kawan Selia Global', sidang kemuncak IFSB telah berkembang menjadi acara yang diadakan dua tahun sekali yang mesti dihadiri oleh pelbagai badan pengawalselia dan penyelia serta institusi kewangan.

Maklumat lanjut mengenai Sidang Kemuncak Kali Ke-16 IFSB boleh didapati di [www.ifsbsummit2024.com](http://www.ifsbsummit2024.com).

Mengenai Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sentiasa komited untuk mencapai dan mengekalkan sistem kewangan yang kukuh dan dinamik melalui pelaksanaan langkah-langkah dan pembaharuan sektor kewangan, selaras dengan matlamat perkembangan ekonomi negara. Ini termasuk memastikan kestabilan harga domestik; mengekalkan kestabilan sistem kewangan, dengan menggubal peraturan kewangan dan piawaian berhemat; membantu dalam penubuhan, penyelenggaraan dan penyeliaan sistem pembayaran yang cekap; serta menggalakkan dan mengembangmajukan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh dan progresif.

Untuk maklumat lanjut:

Nor Atiqah/ Ammar Khairi

Tel: +603 9195 1420

Email: [nor.atiqah@ifsb.org](mailto:nor.atiqah@ifsb.org)/ [ifsb\\_sec@ifsb.org](mailto:ifsb_sec@ifsb.org)